

Penduduk mahu papan tanda amaran dipasang di tebing Sungai Sarang Buaya

Bimbang ancaman buaya ganas

MUAR – Kelibat seekor buaya di Sungai Sarang Buaya di Parit Bugis, Sungai Balang dekat sini menjadi kebimbangan penduduk kemungkinan ia bakal mengancam keselamatan mereka.

Manakan tidak, masih ramai kanak-kanak mandi di sungai tersebut selain ia menjadi lokasi kaki pancing yang gemar memancing udang dan ikan toman yang banyak terdapat di situ.

Pada 16 Mac lalu, seekor anak buaya sepanjang kira-kira dua meter berjaya ditangkap selepas reptilia itu tersangkut mata kail pancing milik seorang penduduk, Kalit Morsid.

Kalit, 55, ketika ditemui semalam berkata, selepas anak buaya seberat 80 kilogram itu diserahkan kepada Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, dia menemui seekor lagi buaya dipercayai ibu kepada reptilia tersebut di tebing sungai yang sama.

Ceritanya, dia percaya buaya itu sedang berkeliaran mencari anaknya, namun kelibatnya hanya dilihat beberapa minit sebelum reptilia itu tenggelam dalam air lalu hilang.

“Pihak bertanggungjawab perlu memasang papan tanda amaran di tebing sungai dan di jalan



KALIT (kanan) dan rakannya, Norafandi Wagiman menunjukkan lokasi kelibat buaya dilihat di Sungai Sarang Buaya, Parit Bugis, Sungai Balang dekat Muar, Johor semalam.

masuk utama ke sungai ini agar orang ramai lebih berjaga-jaga,” katanya.

Sementara itu, Din Zakaria, 61, memberitahu, pemancing yang datang dari luar kawasan tersebut kebanyakan tidak me-

ngetahui terdapat buaya di sungai berkenaan.

“Walaupun belum ada kes penduduk dibaham buaya, tetapi langkah berjaga-jaga perlu diambil kerana kawasan ini memang ada buaya sesuai dengan



GAMBAR Kalit bersama anak buaya yang ditangkapnya di Sungai Sarang Buaya pada 16 Mac lalu.

nama Sungai Sarang Buaya,” ujarnya.

Dalam pada itu, **Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Balang, Zaiton Ismail** berkata, pihaknya telah memohon Majlis Perbandaran Muar untuk

segera memasang papan tanda amaran di kawasan tersebut.

“Kita tidak mahu keselamatan penduduk jadi taruhan, apatah lagi kawasan di Parit Bugis merupakan kawasan inap desa terkenal di daerah ini,” jelasnya.